

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN
GHAZALI [BAGAN SERAI]**

TARIKH : 7 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN : 31

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah MAHB sudah bersedia dengan model pelaksanaan integrasi KLIA dan KLIA 2 dan adakah perbincangan diadakan dengan pihak AirAsia dan AirAsia X yang mengendalikan 97% lalu lintas di KLIA 2.

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) telah melancarkan projek *Seamless Connectivity* di antara kedua-dua terminal KLIA dan klia2 sejak tahun 2017. Projek ini tidak melibatkan pembinaan infrastuktur yang menelan belanja berbilion ringgit. Projek ini melibatkan beberapa fasa dan memerlukan kerjasama yang erat dengan syarikat-syarikat penerbangan dan syarikat pengendali darat (*ground handlers*) di KLIA dan klia2. Buat permulaan, pihak MAHB akan menyediakan bas “shuttle” untuk ulang-alik secara percuma bagi penumpang-penumpang yang mempunyai penerbangan sambungan atau “connecting flights” di terminal KLIA atau klia2.
2. Berhubung perbincangan dengan pihak AirAsia dan AirAsia X yang mengendalikan 97% lalu lintas di KLIA 2 mengenai model perlaksanaan integrasi tersebut, pihak MAHB sememangnya telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama pihak berkenaan dan terdapat beberapa cadangan dan idea baharu yang sedang diperhalusi bagi menjayakan inisiatif ini. Pihak MAHB sentiasa terbuka untuk sebarang perbincangan lanjut dengan mana-mana pihak yang berkaitan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.